

PERSPEKTIF ARISTOTLE DAN AL-GHAZALI TERHADAP KONSEP PERSAHABATAN

(Perspective of Aristotle and Al-Ghazali on the Concept of Friendship)

¹ MUHAMMAD SYAHIR ABU BAKAR

¹ AHMAD SUNAWARI LONG

¹ IBRAHIM ABU BAKAR

¹ Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Manusia di dunia ini tidak boleh hidup tanpa sahabat kerana mereka perlukan sahabat untuk saling bekerjasama antara satu sama lain bagi meneruskan kehidupan mereka. Perkataan sahabat memang acap kali didengar dan dilafazkan, tetapi manusia kurang menghayati maksud sebenar perkataan sahabat tersebut. Atas sebab ini, satu kajian dibuat untuk membincangkan dan membandingkan mengenai definisi dan tujuan persahabatan yang dibincangkan oleh dua orang tokoh pemikiran yang terkenal iaitu Aristotle (384-322 S.M) dan al-Ghazali (1058-1111 M) bagi memahami lebih mendalam berkenaan persahabatan ini. Seterusnya, kajian ini bergantung kepada metode analisis kandungan dan perbandingan. Hasil kajian ini menunjukkan definisi dan tujuan persahabatan Aristotle dan al-Ghazali itu mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan dalam aspek tertentu. Oleh yang demikian, perbincangan mengenai definisi dan tujuan persahabatan ini dianggap penting kerana ia mungkin dapat memberi kesedaran dan pemahaman kepada masyarakat mengenai persahabatan ini dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci: definisi persahabatan, tujuan persahabatan, Aristotle, al-Ghazali

ABSTRACT

People in this world cannot live without friends because they need to cooperate with one another for their survival. The word friend is often heard and pronounced, but less people appreciate the true meaning of word friend. For this reason, a study is done to discuss and compare the definition and

purpose of the friendship as presental by Aristotle's and al-Ghazali to deeply understand this friendship. This research depends on content analysis and comparison methods. The results of this study show the definition and purpose of friendship of Aristotle (384-322 B.C) and al-Ghazali (1058-1111 A.C) have some similarities and differences in certain aspects. Therefore, the discussion on the definition and purpose of friendship are important because it possibly bring awareness and understanding to societies about this friendship in their daily lives.

Keywords: definition of friendship, purpose of friendship, Aristotle, al-Ghazali

PENDAHULUAN

Secara umumnya, hubungan baik persahabatan seseorang itu dengan temannya adalah sukar untuk diukur oleh manusia itu sendiri. Ada kalanya seseorang itu tidak tahu dan sukar menyatakan seseorang yang dikenalnya itu adalah sahabat karibnya. Berhubung dengan itu, wujudnya beberapa jenis persahabatan manusia mengikut tujuan masing-masing. Atas rasional ini, satu kajian dibuat untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai makna sebenar persahabatan dan beberapa jenis tujuan persahabatan yang wujud dalam hubungan sesama manusia. Oleh yang demikian, dua orang tokoh yang berlainan pandangan iaitu dari sudut Greek diwakili oleh Aristotle dan dari sudut Islam diwakili oleh al-Ghazali telah dipilih untuk membandingkan pandangan mereka mengenai konsep persahabatan ini.

Aristotle (384-322 S.M) adalah tokoh falsafah yang terkenal dalam membincangkan berkenaan topik persahabatan secara meluas serta mendalam. Aristotle dilahirkan di Stagyrá dalam daerah Thrace, Yunani Utara. Beliau adalah pakar sains dan ahli falsafah Yunani. Beliau belajar daripada gurunya Plato dan pernah menjadi tutor kepada Alexander Agung atau *Alexander The Great* iaitu pemimpin dan penakluk kerajaan dari Macedonia. Aristotle mendirikan sekolah yang dinamakannya Lykeion atau Lyceum. (Ahmad Sunawari 2006: 67-68). Manakala, al-Ghazali (1058-1111 M) merupakan salah seorang tokoh ilmuwan Islam yang termasyhur di pelusok dunia. Nama penuh beliau ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi al-Shafi'e. Al-Ghazali dilahirkan di kota Tus yang terletak di negeri Khurasan. Terdapat dua pendapat tentang gelaran 'al-Ghazali'. Pertama, dikatakan berasal daripada nama daerah tempat lahirnya iaitu Ghazalah dan kedua, berasal daripada pekerjaan bapanya iaitu sebagai penenun kain yang dinamakan *ghazzal*. (*Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar* 2001, 2: 57). Beliau telah mendapat gelaran sebagai *Hujjat al-Islam* daripada umat Islam selepas kematiannya kerana jasa-jasa dan kejayaannya dalam bidang keilmuan.

Secara umum, tulisan mengenai perbandingan konsep persahabatan Aristotle dan al-Ghazali ini dilihat masih belum lagi dilakukan secara khusus dan ia adalah berbeza daripada tulisan-tulisan yang lepas kerana ini bukan sahaja melibatkan perbincangan oleh Aristotle dan al-Ghazali bahkan ia juga untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang ada. Kebanyakan kajian berkenaan konsep persahabatan mereka berdua sebelum ini dilihat belum digandingkan atau dibandingkan bersama dan hanya dibincangkan secara individu seperti tulisan yang dikaji oleh Kraut (2005) dalam bukunya *Aristotle's Ethics The Stanford Encyclopedia of Philosophy*, Russel (2003) dalam bukunya *Aristotle on Friendship*, Lynch (2002) dalam tulisannya *Aristotle and Derrida on Friendship*, Abi Jauhar (1995) dalam bukunya *Hemah Dalam Pandangan Imam al-Ghazali, Adab Dalam Menjalin Persahabatan*, Stern-Gillet (1995) dalam tulisannya *Aristotle's Philosophy of Friendship*, Johari Alias (1992) dalam bukunya *Nilai-Nilai Islam 3: Menunaikan Kewajipan dan Tanggungjawab*, Thomson (1953) dalam bukunya *The Ethics of Aristotle*, Mubarak (1924) *al-Akhlak 'Inda al-Ghazali*, dan sebagainya. Jika ada konsep persahabatan yang dibandingkan pun, bukanlah antara mereka berdua tetapi dengan tokoh-tokoh yang lain iaitu seperti tulisan yang dikaji oleh Price (1989) dalam bukunya *Love and Friendship Plato and Aristotle*.

Justeru, pengetahuan berkenaan definisi dan tujuan persahabatan menurut Aristotle dan al-Ghazali ini diharap dapat membantu masyarakat bagi mewujudkan satu hubungan silaturahim yang lebih sempurna apabila masyarakat telah memahami maksudnya dan diharap masyarakat dapat mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

DEFINISI PERSAHABATAN MENURUT ARISTOTLE DAN AL-GHAZALI

1. Definisi Persahabatan Aristotle

Dalam mendefinisikan persahabatan itu, Aristotle menggunakan perkataan "*philein*" bagi perkataan persahabatan. Ini adalah berdasarkan dalam buku Aristotle sendiri iaitu *Nicomachean Ethics* yang diterjemahkan oleh Kraut (2005) mengenai maksud perkataan persahabatan itu adalah seperti berikut:

Although Aristotle is interested in classifying the different forms that friendship takes, his main theme in Books VIII and IX is to show the close relationship between virtuous activity and friendship... (the verb "philein" which is cognate to the noun "philia" can sometimes be translated "like" or even "love", though in other cases philia involves very little in the way of feeling).

Petikan ini adalah berkenaan hubungan rapat dan persahabatan yang baik. Aristotle menerangkan mengenai asal usul perkataan *friendship* iaitu berasal daripada perkataan "*philein*" atau "*philia*" dan kadang kala juga diterjemahkan kepada suka atau cinta (*love*). Walaupun perkataan *philia* itu sangat sedikit dalam melibatkan sesuatu cara perasaan, tetapi apa yang pasti, Aristotle lebih suka menggunakan istilah *philia* itu diterjemahkan kepada *friendship* (persahabatan).

Aristotle juga berpendapat bahawa sahabat itu dapat dipandang sebagai diri yang satu lagi atau "*another self*", seperti seorang yang baik memperbaiki diri sendiri, maka sahabatnya juga saling memperbaiki dirinya dan inilah pentingnya sebuah persahabatan, serta ini dianggap sebagai sejenis kebaikan. Kejayaan atau kegagalan seorang itu dapat disamakan dengan kejayaan atau kegagalan sahabat rapatnya juga kerana mereka saling terpengaruh antara satu dengan yang lain. Maksudnya jika ingin melihat segala ciri yang ada pada seseorang itu, maka hendaklah melihat kepada sahabatnya atau dengan siapa dia berkawan. Ini kerana seseorang yang saling bersahabat dengan sangat rapat akan saling terpengaruh antara satu sama lain (Aristotle 2001).

Menurut Aristotle lagi, seseorang itu mungkin suka bersahabat dengan seseorang yang lain kerana dia baik, atau kerana dia bermanfaat, atau kerana dia menyenangkan. Oleh itu, ini adalah jenis dalam persahabatan dan bergantung pada sifat-sifat ini seseorang teman itu boleh terikat antara satu sama lain. Ini sepertimana yang dikatakan oleh Aristotle (2001) iaitu:

One might like someone because he is good, or because he is useful, or because he is pleasant. And so there are three bases for friendships, depending on which of these qualities binds friends together. When two individuals recognize that the other person is someone of good character, and they spend time with each other, engaged in activities that exercise their virtues, then they form one kind of friendship. If they are equally virtuous, their friendship is perfect.

Selain itu, terdapat pula dua kategori lain dalam persahabatan iaitu yang dikatakan sebagai sempurna dan tidak sempurna. Persahabatan yang "sempurna" ialah apabila dua orang individu mengenali seseorang itu adalah terdiri daripada karakter yang baik, dan mereka menghabiskan waktu dengan satu sama lain, serta terlibat dalam kegiatan yang boleh mendidik kebaikan mereka, kemudian mereka itu telah membentuk sejenis persahabatan. Jika mereka itu sama baik atau setara (*equally*), persahabatan mereka itu adalah sempurna (*perfect*). Persahabatan yang "tidak sempurna" pula ialah jika ada jurang yang besar dalam

pembentukan moral mereka seperti hubungan antara orang tua dan anak kecil, atau antara suami dan isteri atau mana-mana yang rendah atau tidak setaraf, biasanya yang rendah tunduk kepada yang lebih berkuasa. Ini menyebabkan fungsi persahabatan serta rasa suka bersahabat itu berbeza. Justeru, meskipun hubungan mereka boleh didasarkan pada orang lain yang karakternya baik, tetapi itu tidak akan sempurna kerana mereka itu tidak sama (*inequality*) atau tidak setara (Aristotle 2001).

2. Definisi Persahabatan al-Ghazali

Definisi persahabatan menurut al-Ghazali (1998) adalah seperti berikut:

”الصحية عبارة عن المجالسة والمجاورة. وهذه الأمور لا يقصد الإنسان بها غيره إلا إذا أحبه فإن غير المحبوب يجتنب ويباعد ولا تقصد مخالطته“.

Apa yang dimaksudkan oleh al-Ghazali mengenai persahabatan di atas itu ialah seseorang yang duduk bersama dan berjiran atau berdekatan. Perkara-perkara ini tidak dimaksudkan oleh manusia kecuali dia menyukainya. Sesungguhnya, yang tidak menyukai, menjauhi dan tidak bermaksud untuk bergaul dengannya. Sementara itu pula, orang yang tidak dikasihinya itu bukanlah dinamakan sebagai sahabat dan orang itu dijauhkan serta dihindarkan diri daripadanya kerana ia tidak bermaksud untuk bercampur-gaul dengannya, maka hanya orang yang bercampur-gaul itu sahaja adalah yang dikatakan sebagai seorang sahabat. Apa yang difahami di sini ialah persahabatan menurut al-Ghazali itu datang daripada budi yang baik iaitu dengan berkasih sayang. Perbuatan berbaik-baik sesama kenalan sehingga wujudnya berkasih sayang, maka itulah yang dikatakan persahabatan.

Al-Ghazali juga menerangkan bahawa persahabatan itu adalah seperti berada di kedudukan sebuah kekeluargaan. Maka apabila persaudaraan itu telah terikat erat, nescaya akan menjadi benar-benar teguh dan kukuh. Oleh itu, wajib disempurnakannya menurut apa yang diwajibkan pada ikatan persahabatan tersebut (al-Ghazali 1988). Oleh yang demikian, pengertian persahabatan yang dimaksudkan oleh al-Ghazali itu ialah seseorang yang duduk bersama dan bercampur-gaul dengannya. Selain itu, tidak terjadi sebarang persahabatan antara manusia dengan manusia kecuali apabila mereka saling kasih-mengasihi. Di samping itu, persahabatan yang dimaksudkan oleh al-Ghazali adalah persahabatan berasaskan budi baik iaitu dengan melakukan perbuatan yang baik sesama kenalan sehingga wujudnya sikap saling berkasih sayang (*ulfah*).

TUJUAN PERSAHABATAN MENURUT ARISTOTLE DAN AL-GHAZALI

Setelah menjelaskan definisi persahabatan itu tadi, berikut pula adalah mengenai tujuan persahabatan yang dibincangkan oleh Aristotle dan al-Ghazali:

1. Tujuan Persahabatan Aristotle

Aristotle adalah antara penulis falsafah yang terkenal dengan konsep persahabatannya iaitu persahabatan itu diibaratkan sebagai, 'Jiwa tunggal yang tinggal di dalam dua tubuh'. Aristotle menerangkan bahawa persahabatan yang 'sempurna' adalah mereka yang hidup antara orang-orang yang baik dan juga 'setara atau sama' dalam kebaikan mereka, iaitu berlaku dalam hubungan persahabatan yang berdasarkan 'kebaikan' sahaja. Manakala, bagi persahabatan yang 'tidak sempurna' adalah hubungan yang 'tidak setara' iaitu yang berdasarkan pada karakter yang tidak sempurna seperti hubungan persahabatan berdasarkan 'rasa senang' dan 'manfaat'.

Menurut Aristotle, persahabatan itu terbahagi kepada tiga jenis iaitu pada *utility* atau manfaat, *pleasure* atau rasa senang, dan *good* atau kebaikan. Pada penelitian penulis, jika dilihat penjelasan terhadap ketiga-tiga jenis persahabatan yang dibincangkan oleh Aristotle itu adalah lebih kepada tujuan persahabatan itu sendiri iaitu persahabatan yang bertujuan kerana manfaat, rasa senang dan kebaikan. Oleh itu, untuk menghuraikan dengan lebih mendalam lagi mengenai tujuan persahabatan Aristotle ini, ia adalah seperti berikut:

a. Manfaat

Persahabatan yang tujuannya kerana manfaat adalah hubungan yang terbentuk tanpa kepedulian terhadap orang lain sama sekali. Misalnya, apabila seseorang membeli sesuatu barang, mungkin ia harus bertemu dengan orang lain, tetapi biasanya hubungan hanya tercipta adalah sangat dangkal antara si penjual dan pembelinya. Dalam konteks moden, orang-orang dalam hubungan seperti itu mungkin tidak disebut sahabat, melainkan kenalan. Satu-satunya alasan persahabatan yang tujuannya kerana manfaat ini adalah untuk mendapatkan sesuatu yang bermanfaat daripada sahabatnya. Apabila tiada lagi manfaat yang dikehendaki daripada sahabatnya, maka akan hilanglah hubungan persahabatan antara kedua-dua sahabat tersebut. Di samping itu, keluhan dan pertikaian juga sering berlaku dalam persahabatan seperti ini (Aristotle 1980).

Menurut Aristotle (1980) lagi, sebuah persahabatan berdasarkan manfaat, akan larut secepat keuntungan itu berhenti, kerana sahabat-sahabat itu tidak saling cinta-mencintai, tetapi apa yang mereka inginkan daripada satu sama lain ialah manfaat daripadanya. Oleh kerana itu, tidak hairanlah jika persahabatan

berdasarkan manfaat dan kesenangan boleh berlaku antara dua orang jahat, antara orang yang jahat dan orang yang baik, antara orang yang baik ataupun yang tidak baik dan lain-lain sama ada mereka itu terdiri daripada yang baik atau tidak.

b. Rasa Senang

Persahabatan kerana kesenangan itu adalah berdasarkan kepada perasaan senang dengan semata-mata kehadiran atau kedatangan orang lain. Contohnya, seperti orang yang minum bersama-sama atau yang memiliki hobi yang sama mungkin mempunyai persahabatan seperti itu. Namun demikian, sahabat seperti ini juga akan berpisah, apabila mereka tidak lagi menikmati kegiatan bersama atau tidak dapat lagi mengikuti sesuatu bersama-sama di dalamnya (Aristotle 2001).

Menurut Aristotle (1980), menyenangkan dan yang baik adalah sesuatu yang berbeza. Oleh kerana itu, yang menyenangkan itu adalah apa yang diinginkan. Ia adalah baik kerana beberapa orang berfikir ia baik, walaupun sesetengah orang tidak berfikir begitu. Namun begitu, ia adalah jelas bahawa rasa senang itu masih termasuk dalam sesebuah persahabatan. Tetapi golongan mereka ini bukan mencintai sahabatnya, mereka hanyalah berkawan sejauh mana ia boleh menyenangkan diri mereka sendiri sahaja.

c. Kebaikan

Persahabatan yang tujuannya kerana kebaikan menurut Aristotle ini adalah berlaku disebabkan kebaikan yang ada di dalam persahabatan tersebut yang mana anggota-anggota seseorang sahabat itu telah menikmati watak atau sifat yang baik selain dirinya iaitu temannya yang mana juga sama baik sepertinya, maka hubungan akrab yang baik ini telah terjalin bagaikan, isi dengan kuku. Aristotle memaksudkan bahawa sejauh mana sahabat-sahabat ini berada, mereka akan sentiasa mempertahankan perwatakan yang sama, maka hubungan ini akan bertahan kerana motif di sebaliknya itu adalah untuk mengambil berat terhadap sahabat itu sendiri. Ini adalah tingkat hubungan yang tertinggi dan disebut juga sebagai persahabatan sejati (Aristotle 1999). Menyentuh mengenai kebaikan, bagi Aristotle (1980), kebahagiaan itu merujuk kepada semua jenis kebaikan yang ingin dicapai oleh setiap manusia. Ia merupakan suatu kebaikan tertinggi, kebaikan sempurna, kebaikan terakhir dan tiada kebaikan lagi di atasnya.

Aristotle (1980) menerangkan bahawa persahabatan itu sangat diperlukan untuk kebahagiaan. Apa yang dimaksudkan oleh Aristotle mengenai persahabatan boleh membawa kepada kebahagiaan ialah seseorang yang baik itu perlu seorang sahabat yang baik untuk beramal sesuatu perbuatan yang baik, maka persahabatan yang baik diperlukan untuk mencapai kebahagiaan. Aristotle menerangkan bahawa sahabat telah memberi apa yang tidak boleh didapati dalam diri kita

sendiri. Dengan itu, manusia memerlukan seorang sahabat untuk melatih diri menjadi baik dan membuat kebajikan, serta tidak seorang pun boleh bahagia dengan bersendirian.

2. Tujuan Persahabatan Al-Ghazali

Sebelum menerangkan tujuan persahabatan ini, al-Ghazali (1998) telah menerangkan bagaimana persahabatan itu diasaskan dan ia dikategorikan seperti berikut:

a. Kategori Kebetulan

Persahabatan yang terjadi secara kebetulan seperti persahabatan antara jiran iaitu berhampiran atau berdekatan tempat tinggal seperti tempat beribadat, pasar dan sekolah (al-Ghazali 1998).

b. Kategori Pilihan Sendiri

Al-Ghazali (1998) menerangkan bahawa persahabatan yang berlaku dengan 'pilihan sendiri' seperti persahabatan dalam agama Islam iaitu ia sememangnya sudah pasti terjadi kerana semua umat Islam itu bersaudara. Di samping itu, melalui kategori tersebut, persahabatan juga datang dan wujud berdasarkan tujuan manusia itu sendiri iaitu seperti berikut:

i. Perasaan Senang

Al-Ghazali (1998) memaksudkan tujuan yang pertama ini sebagai seseorang yang mengasihi dan suka sahabatnya itu disebabkan rasa senang padanya sama ada dari segi zahir atau batin. Bentuk yang zahir itu ialah kecantikan dari sudut kejadian fizikal seperti baik rupa bentuknya atau cantik. Manakala, bentuk yang batin pula ialah kesempurnaan akal fikiran iaitu dengan banyaknya ilmu pengetahuan dan kebaikan budi pekerti. Dari situ, kebaikan budi pekerti itu juga tidak mustahil akan diikuti pula oleh kebaikan perbuatan.

Oleh itu, persahabatan terhadap semua jenis daripada zahir dan batin itu dipandang baik pada karakter yang sejahtera dan akal yang lurus atau betul. Ini juga bermaksud ada sesuatu pada diri seorang sahabat itu yang disenangi oleh diri seseorang itu sehingga membuatnya tertarik dan menyukai atau mencintainya. Selain itu, pada pengertian lain, seseorang itu merasa senang melihat sahabat tersebut, mengenalinya dan menyaksikan segala tingkah lakunya. Ini adalah kerana seseorang itu memandang baik pada sahabatnya. Maka tiap-tiap yang dipandang baik itu akan disenangi serta disayangi (al-Ghazali 1998).

Di samping itu, al-Ghazali (1988) juga menjelaskan dalam bahagian kasih sayang terhadap sahabat seperti ini perlu diingati bahawa ia tidak termasuk

dalam kecintaan kepada Allah tetapi ia adalah kecintaan yang boleh terjadi kepada tabiat atau sifat masing-masing dan hawa nafsu. Contohnya, kecintaan kepada seseorang yang cantik untuk melepaskan hawa nafsu yang tidak halal baginya, maka ia adalah hubungan yang tercela dan tergambar pada orang yang tidak beriman kepada Allah. Jika ia dihubungkan dengan sesuatu maksud yang tidak tercela seperti untuk bergaul bagi menghilangkan rasa bosan, maka ia dibolehkan. Seterusnya, jika dihubungkan sesuatu maksud yang terpuji seperti mengasihi seseorang kerana untuk mendapatkan ilmunya bagi mendekati diri kepada Allah, maka ia adalah yang terpuji. Oleh kerana itu, perlu diingat bahawa kecintaan atau kasih sayang dalam persahabatan itu juga ada yang tercela dan ada yang terpuji serta ada yang harus.

ii. Manfaat

Al-Ghazali (1998) maksudkan tujuan yang kedua ini sebagai seseorang yang mengasihi sesuatu daripada sahabatnya untuk memperoleh selain daripada diri temannya. Maka sahabatnya itu tadi telah menjadi sebagai *wasilah* atau jalan untuk sampai kepada apa yang diinginkan atau apa yang dihajatnya. Tetapi al-Ghazali menerangkan sahabat yang dijadikan *wasilah* itu masih lagi dianggapnya sebagai sahabat kerana ini memudahkan baginya untuk memenuhi keperluan dan hajatnya nanti. Contohnya, bersahabat kepada raja atau penguasa. Dengan itu, dapat menggunakan kemegahannya dan hartanya. Raja dan penguasa itu adalah *wasilah* bagi mencapai kemegahan dan harta. Oleh itu, jika seseorang itu bersahabat untuk mencapai perkara yang tercela seperti memanfaatkan teman untuk mengikis hartanya, maka ia adalah sikap yang tercela. Tetapi, jika seseorang itu bersahabat untuk mencapai perkara yang harus seperti untuk mendapatkan bantuan, maka dibolehkan.

iii. Persahabatan Kerana Yang Lain

Seterusnya al-Ghazali (1998) menerangkan dalam bahagian ini berkenaan dengan berkawan dengan seseorang sahabat itu tidak kerana zat sesuatu itu, tetapi semata-mata 'kerana yang lain'. Maksud menyayangi kepada 'kerana yang lain' itu tadi tidak kembali sebahagiannya di dunia ini, tetapi 'sebahagiannya' hanya pergi ke 'akhirat' sahaja. Ini bermakna seorang sahabat yang menyayangi rakannya, maka ia boleh memperolehi kemenangan atau kejayaan di akhirat. Persahabatan jenis ini boleh diumpamakan seperti seseorang yang menyayangi dan bersahabat dengan gurunya. Disebabkan oleh gurunya itu, maka dia telah memperoleh ilmu dan menjadi pandai dalam beramal. Di sini, 'kerana yang lain' itu adalah ilmu dan amal atau juga dikenali sebagai 'kemenangan di akhirat', bahkan ini juga termasuk dalam orang-orang yang menyayangi sahabat pada 'jalan Allah'.

Contoh yang lain, jika seseorang yang menyayangi seseorang sahabat itu untuk menyampaikan sedekahnya atau zakatnya kepada orang yang berhak menerimanya, maka dia juga telah termasuk dalam golongan orang yang menyayangi seseorang itu pada 'jalan Allah'. Oleh yang demikian, apa yang dimaksudkan oleh al-Ghazali persahabatan kerana yang lain itu ialah apabila seseorang sahabat itu menyayangi sahabatnya semata-mata untuk menyerahkan segala waktu, ilmu serta amalnya yang ada di dunia ini bagi mendekatkan lagi dirinya kepada Allah, maka sahabat itu telah mendapat kejayaan di akhirat. Oleh itu, dengan sendirinya mereka tergolong dalam menyayangi sahabat pada 'jalan Allah' (al-Ghazali 1988).

iv. Persahabatan Kerana Allah

Maksud persahabatan 'kerana Allah' ini pula adalah menyayangi seseorang sahabat sepenuhnya dan sebenar-benarnya kerana Allah SWT sahaja atau pada jalan Allah SWT yang sebenarnya. Iaitu ia tidak bertujuan mendapatkan sesuatu untuk mencapai sesuatu tujuan atau perkara yang dihajati seperti ilmu atau pekerjaan dan tidak digunakan juga sebarang wasilah dalam sesuatu hal, ataupun di sebalik diri orang itu sendiri. Ini ialah darjat yang paling tinggi. Persahabatan kategori ini terjadi kerana mungkin daripada kekuatan kecintaan tersebut yang melampaui dari apa yang dicintainya. Orang yang kukuh cintanya kepada Allah seperti ini, nescaya dia juga akan turut mencintai manusia yang dia cintai, iaitu khususnya kepada sahabatnya sendiri (al-Ghazali 1998).

Menurut al-Ghazali, apabila hati seseorang telah mencintai sepenuhnya kepada Allah SWT iaitu apabila telah kuat serta menguasai dirinya, maka kecintaan itu telah melampaui segala yang ada melainkan Allah SWT, kerana segala yang ada itu adalah bekas dari *qudrah*-Nya. Dengan ini, wujudnya kecintaan kepada sesama manusia melalui kelakuan yang baik atau beradab dengan adab-adab agama dan ini adalah sifat yang direndai oleh Allah. Oleh itu, ini yang dikatakan sebagai sahabat yang berdasarkan kebaikan dan beradab dengan adab-adab agama (al-Ghazali 1988).

Al-Ghazali (1988) menjelaskan lagi bahawa seseorang yang berkawan dan mencintai sahabat itu adalah kerana Allah, maka Allah pun juga mencintainya, dan ini adalah kerana sahabat yang dicintainya itu juga telah mempunyai keredaan di sisi Allah SWT. Ini juga kerana sahabat yang dicintainya itu juga mencintai Allah dan selalu beribadat kepada Allah. Oleh yang demikian, secara ringkasnya pada persahabatan jenis ini, dapat dikatakan bahawa setiap orang yang berkawan dan mencintai sahabat yang alim atau abid, atau berkawan dan mencintai sahabat yang menggemari ilmu atau ibadah serta kebajikan, maka sesungguhnya dia mencintai sahabat itu pada jalan Allah dan semata-mata kerana Allah. Malah mereka berdua itu memperoleh pahala dan pembalasan mengikut kekuatan kecintaan tersebut.

PERBANDINGAN DEFINISI DAN TUJUAN PERSAHABATAN ARISTOTLE DAN AL-GHAZALI

1. Perbandingan Definisi Persahabatan Menurut Aristotle dan Al-Ghazali

Mengenai perbandingan definisi persahabatan antara Aristotle dan al-Ghazali ini, penulis meringkaskannya seperti berikut:

Pertama, terdapat persamaan bahawa mereka berdua menyatakan berkenaan dengan kasih sayang dan kebaikan. Kerana hubungan persahabatan itu adalah berdasarkan kebaikan. Kedua, wujud persamaan kerana mereka berdua mengatakan persahabatan itu adalah mesti saling kenal-mengenal antara satu sama lain. Maka, barulah terjadinya persahabatan itu. Jika tidak saling kenal-mengenal dengan seseorang itu, maka tidak akan cinta seseorang tersebut terhadap orang yang lain.

Setelah itu, mengenai perbezaan definisi persahabatan mereka itu yang terdapat antara Aristotle dan al-Ghazali ini pula hanya ada dua iaitu:

Pertama, mengenai 'diri yang satu lagi' atau (*another self*) atau 'diri yang kedua' (*second self*) itu pula adalah hanya dibincangkan oleh Aristotle seorang sahaja secara khusus. Al-Ghazali tidak membincangkan atau menyentuh mengenai 'diri yang satu lagi' ini secara umum mahupun khusus di dalam definisi beliau. Aristotle menganggap sahabat itu umpama cermin kerana jika hendak melihat seseorang itu, boleh melihat sahabat karibnya sahaja, kerana mereka berdua itu adalah lebih kurang sama sahaja perwatakan mereka disebabkan masing-masing saling terpengaruh antara satu sama lain dan dilihat serupa tabiatnya. Kedua, kasih kerana Allah. Ini adalah mengenai definisi al-Ghazali yang lebih tertumpu kepada ketuhanan dan agama Islam itu sendiri. Seseorang sahabat itu dilihat perlu mematuhi suruhan Allah SWT kerana ia adalah satu arahan yang sudah termaktub dalam Islam dan dilarang bercerai-berai.

2. Perbandingan Tujuan Persahabatan Menurut Aristotle dan Al-Ghazali

Bagi perbandingan tujuan persahabatan antara Aristotle dan al-Ghazali ini, secara ringkasnya adalah seperti berikut:

Pertama, berkenaan persahabatan kerana manfaat, Aristotle dan al-Ghazali sama-sama menerangkan bahawa adalah keinginan untuk bersahabat dengan seseorang sebab ada tujuan yang lain atau di sebaliknya. Ia terjadi kerana timbulnya daya penarik yang menyebabkan seseorang itu mendekati seseorang untuk bersahabat dengannya. Dia sebenarnya bukan berniat untuk bersahabat

dengan seseorang itu, tetapi adalah demi untuk memenuhi manfaat kepentingan dirinya sendiri sahaja. Kedua, bagi persamaan persahabatan kerana rasa senang, Aristotle dan al-Ghazali menerangkan bahawa rasa senang dalam persahabatan itu wujud apabila seseorang itu berasa senang dengan kehadiran orang lain atau apabila bersamanya, tetapi bukan kerana dia hendak benar-benar bersahabat dengan sahabatnya itu. Apabila seseorang itu sudah bosan berkawan dengan sahabatnya, dia akan meninggalkan sahabat tersebut.

Kemudian, mengenai perbezaan tujuan persahabatan yang terdapat antara Aristotle dan al-Ghazali itu ialah:

Pertama, mengenai persahabatan kerana kebaikan itu hanya dibincangkan oleh Aristotle seorang sahaja secara khusus. Al-Ghazali tidak menyebut secara khusus dalam menyebut persahabatan kerana kebaikan ini. Aristotle mendakwa persahabatan itu adalah kebaikan, dan seharusnya seseorang yang bersahabat itu saling berusaha melakukan kebaikan antara satu sama lain bagi mencapai kebaikan iaitu seperti saling berkasih sayang, adil, hormat-menghormati, dan lain-lain lagi. Kedua, bagi persahabatan kerana yang lain itu pula, hanya dibincangkan oleh al-Ghazali seorang sahaja secara khusus. Aristotle tidak ada membincangkan atau menyentuh mengenai persahabatan kerana yang lain ini. Tujuan persahabatan jenis ini ialah seseorang itu bersahabat di dunia ini kerana sebahagian dari tujuan bersahabatnya itu adalah semata-mata untuk kejayaan akhirat. Dunia itu sebenarnya adalah menjadi sebagai wasilah demi mendapat kejayaannya di akhirat. Ketiga, mengenai tujuan persahabatan kerana Allah itu pula adalah hanya dibincangkan oleh al-Ghazali seorang sahaja secara khusus. Aristotle tiada menyentuh mengenainya. Persahabatan kerana Allah ini juga dilihat telah membezakan antara mereka berdua kerana telah melibatkan soal ketuhanan. Menurut al-Ghazali persahabatan kerana Allah adalah hanya semata-mata kepada Tuhan yang satu iaitu Allah SWT sahaja bukan demi yang lain.

PENILAIAN TERHADAP KONSEP PERSAHABATAN ARISTOTLE DAN AL-GHAZALI

Berdasarkan penelitian penulis, buku yang menjadi fokus utama perbahasan konsep persahabatan Aristotle ini ialah buku *Nicomachean Ethics*, Bab VIII dan IX serta *Eudemian Ethics*, Bab VII dan VIII. Manakala buku yang menjadi fokus utama perbahasan konsep persahabatan al-Ghazali ialah dalam buku *Ihya' 'Ulum al-Din*, jilid 2, dalam bahagian *Kitab Adab Ulfah wa al-Ukhuwwah* dan *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din*, dalam bahagian 2: *Fi al-'Amal al-Zahir*, di bawah topik *Fi al-Qiyam bi Huquq al-Muslimin*. Selain itu, apabila meneliti perbahasan mengenai konsep persahabatan Aristotle dan al-Ghazali tersebut, kedua-dua konsep mereka ini dilihat sering melibatkan dan menyebut perkataan cinta atau kasih sayang iaitu *love* dan *ulfah*. Ini kerana perkataan tersebut bermaksud satu

cara perasaan terhadap seseorang yang disukai atau disayangi malah ia juga termasuk sebahagian daripada kebaikan. Dengan itu, tidak hairanlah jika setiap perbincangan konsep persahabatan mereka ini sentiasa mengaitkan perkataan sayang atau cinta, kerana persahabatan itu memang tidak boleh lari daripada perasaan suka terhadap seseorang disebabkan ia adalah salah satu sifat yang mesti ada pada orang yang ingin bersahabat. Di samping itu, konsep persahabatan mereka berdua ini matlamatnya adalah untuk mencapai kebahagiaan dan ia hanya tercapai apabila seseorang itu telah bersahabat berdasarkan kebaikan.

Konsep persahabatan ini dilihat penting bagi Aristotle dan al-Ghazali dalam memberi pendedahan mengenai ilmu persahabatan dalam kehidupan bermasyarakat. Kemungkinan besar konsep persahabatan mereka berdua ini ditulis kerana keadaan atau suasana pada zaman mereka yang mempunyai pelbagai jenis karakter sahabat dan mempersoalkan apa yang diertikan dengan sahabat itu sebenarnya atau mereka melihat tulisan-tulisan tokoh-tokoh terdahulu lalu menilainya semula. Mungkin inilah yang mendorong mereka berdua untuk membentuk satu konsep persahabatan melalui pandangan mereka sendiri. Jika dilihat konsep persahabatan yang diperkenalkan oleh kedua-dua tokoh ini mempunyai kaitan dalam merealisasikan hubungan sosial dan politik. Konsep persahabatan yang diperkenalkan oleh kedua-duanya ini mempunyai pengaruh yang kuat dalam masyarakat kerana ramai sarjana sama ada yang sezaman dengan mereka hingga sekarang yang merujuk atau mengadaptasi kembali konsep persahabatan yang diperkenalkan oleh kedua-dua tokoh ini. Antaranya ialah St. Thomas Aquinas, Cicero, St. Augustine, Immanuel Kant, Richard Kraut, W.D. Ross, A.W. Price, J.S. Russel, J.A.K. Thomson, F.V. Valk, Ibn Miskawayh, Hamka, Zaki Mubarak, Abi Jauhar dan ramai lagi. Ini menunjukkan bahawa Aristotle dan al-Ghazali telah berjaya membawa pemahaman konsep persahabatan itu terhadap masyarakat kerana ramai masyarakat yang mengambil konsep persahabatan mereka sebagai rujukan dan menganggapnya sebagai panduan ilmu dalam hubungan persahabatan antara sesama manusia.

Secara keseluruhannya, definisi dan tujuan persahabatan yang dibincangkan oleh Aristotle dan al-Ghazali ini sememangnya lebih terarah kepada kebaikan kerana hubungan persahabatan adalah sebahagian daripada kebaikan atau perkara yang baik. Persahabatan sejati yang mereka maksudkan itu juga berdasarkan kebaikan. Tetapi yang membezakan mereka itu hanyalah dari sudut agama, iaitu konsep persahabatan al-Ghazali itu berpandukan kepada ajaran Islam yang berdasarkan al-Quran dan Hadis serta melalui tokoh ulama Islam terdahulu serta sezaman dengannya. Tetapi konsep persahabatan Aristotle ini dilihat tiada menyentuh mengenai keagamaan dan ketuhanan kerana hanya merujuk kepada tokoh-tokoh falsafah yang terdahulu dan sezaman dengannya serta daya pemikirannya sahaja. Namun demikian, konsep persahabatan Aristotle dilihat masih boleh berdiri dengan kukuh dan diterima sebagai rujukan umum. Konsep persahabatan mereka berdua ini kedua-duanya diterima umum cuma

jika dilihat daripada perspektif Islam, mungkin al-Ghazali lebih diterima pakai kerana beliau lebih bersumberkan ajaran Islam iaitu wahyu dan ini menjadikan konsep persahabatannya kelihatan lebih kukuh. Walau bagaimanapun, konsep persahabatan kedua-dua tokoh ini iaitu daripada pandangan Greek dan Islam, secara umumnya boleh diguna pakai sebagai panduan dengan mengikut mana yang sesuai.

KESIMPULAN

Setelah dianalisis perbandingan definisi dan tujuan persahabatan antara Aristotle dan al-Ghazali, maka benarlah bahawa terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara mereka berdua. Hasil kajian dan penulisan ini dapat memberi impak kepada masyarakat agar mereka dapat mengambil manfaat dan mempraktikkan apa yang diperoleh melalui perbincangan dan perbandingan mengenai konsep persahabatan Aristotle dan al-Ghazali ini serta melakukan satu perubahan ke arah lebih positif bagi menjadi seorang sahabat yang sejati dan lebih sempurna setelah mengetahui beberapa kategori sahabat yang wujud di dunia ini sepertimana yang telah dijelaskan tadi. Selain itu, ia juga menjadi panduan untuk semua masyarakat bagi memilih atau mencari sahabat yang terbaik untuk dijadikan rujukan dan panduan.

RUJUKAN

- Abi Jauhar. 1995. *Hemah Dalam Pandangan Imam al-Ghazali Adab Dalam Menjalin Persahabatan*. Selangor: Citakhidmat Sdn. Bhd.
- Ahmad Sunawari Long. 2006. *Sejarah Falsafah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aristotle. 1908. *Nicomachean Ethics By Aristotle*. Terj. W. D. Ross. Oxford: Clarendon Press. (atas talian) http://www.ilt.columbia.edu/publications/Projects/digitexts/aristotle/nicomachean_ethics/book08.html. (11 Oktober 2009).
- Aristotle. 1980. *The Nicomachean Ethics*. Terj. W. D. Ross. Oxford: Oxford University Press (The World's Classics).
- Aristotle. 1981. *Aristotle, Eudemian Ethics*. Terj. H. Rackham. London: Harvard University Press. (atas talian) <http://www.perseus.tufts.edu/cgibin/ptext?doc=Perseus%3Atext%3A1999.01.0050&query=book%3D%231.html>. (20 Ogos 2009).

- Aristotle. 1999. *Nicomachean Ethics by Aristotle*. Terj. W. D. Ross. Kitchener: Batoche Books. (atas talian) <http://socserv2.mcmaster.ca/~econ/ugcm/3ll3/aristotle/Ethics.pdf>. (15 Julai 2009).
- Aristotle. 2001. *Aristotle's Ethics*. Susunan semula Richard Kraut. Stanford University: Stanford Encyclopedia of Philosophy. (atas talian) <http://plato.stanford.edu/entries/aristotle-ethics/#Fri.html>. (12 November 2009).
- Aristotle. 2005. *Ethics*. Susunan semula Ted Garvin, David Widger dan DP Team. (atas talian) 8ethc10.html. (11 Oktober 2009).
- Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar*. 2001. Jil. 2. Kuala Lumpur: Era Visi Publication Sdn. Bhd., Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1988. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 3. Terj. Ismail Yakub SH. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad 1998. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 2. Al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 2003. *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Johari Alias. 1992. *Nilai-Nilai Islam 3: Menunaikan Kewajipan dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kraut, Richard 2005. *Aristotle's Ethics, The Stanford Encyclopedia of Philosophy*. (atas talian) <http://friendship.com.au/writing/definitions.html>. (25 September 2010).
- Lynch, Sandra. 2002. *Aristotle and Derrida on Friendship*. Australia: University of New South Wales.
- Mubarak, Zaki. 1924. *al-Akhlak 'Inda al-Ghazali*. Misr: Matba'ah al-Rahmaniyah.
- Price, A.W. 1989. *Love and Friendship Plato and Aristotle*. Oxford: Claredon Paperbacks.
- Russel, J. S. 2003. *Aristotle on Friendship*. Canada: University of British Columbia Office (atas talian) <http://www.philosophy.ubc.ca/faculty/russellj/212lec10.htm>. (10 April 2010).

Stern-Gillet, S. 1995. Aristotle's Philosophy of Friendship. *Albany: State University of New York Press*. <http://www.questiaschool.com/read/102497910.html>. [12 November 2009].

Thomson, J.A.K. 1953. *The Ethics of Aristotle*. England: Penguin Books.